

Mari Berkenalan

hasil karya
Manisah Osman



Prakata oleh Pengerusi MLLPC



Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim

*Setiausaha Parlimen Kanan
Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan
Sosial dan Keluarga
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)*

'Pelajar Aktif, Pengguna Cepak' merupakan matlamat pembelajaran Bahasa Ibunda di Singapura. Murid-murid haruslah dibekalkan dengan bahan bacaan yang kreatif untuk mendorong minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Ibunda. Lebih banyak bahan bacaan yang dapat mereka akses, lebih baik natijahnya.

Siri Nabil dan Nabilah telah diilhamkan pada tahun 2015 untuk murid-murid sekolah rendah khususnya bagi Darjah 1 dan 2 dengan tujuan untuk menambah jumlah bahan bacaan tempatan bahasa Melayu. Buku-buku yang dihasilkan oleh guru-guru Bahasa Melayu Singapura ini telah mendapat sambutan baik daripada kanak-kanak, ibu bapa dan juga para pendidik.

Lanjutan daripada maklum balas tersebut, Siri Nabil dan Nabilah diteruskan untuk murid-murid Darjah 3 dan 4 pula. Terdapat pembaharuan yang telah dilakukan terutama sekali daripada aspek jalan cerita dan penampilan watak-watak dalam siri tersebut agar dapat memenuhi cita rasa para pembaca yang berusia antara sembilan hingga sepuluh tahun. Selain itu, aktiviti-aktiviti susulan setelah membaca disediakan untuk membolehkan ibu bapa dan ahli keluarga terlibat sama. Aktiviti membaca bersama-sama keluarga dapat memupuk sikap-sikap positif dan berpotensi menanamkan nilai-nilai yang baik.

Guru merupakan golongan yang dekat dengan murid. Mereka mengenali minat dan citarasa murid. Oleh hal yang demikian, setiap sumbangan guru dalam penghasilan siri buku bacaan ini amat dihargai. Kepada guru-guru yang telah menyumbang dalam penulisan buku cerita ini, saya mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih.

Besar harapan saya agar usaha ini dapat diteruskan dan lebih banyak karya dapat dihasilkan demi kemajuan dan pembangunan intelek anak-anak kita. Semoga mereka bakal menjadi pengguna bahasa ibunda yang cekap dan yakin serta berbangga akan bahasa dan budaya Melayu.

*Burung punai di pucuk rebung,
Anak kedidi terbang berempat;
Bahasa disanjung budaya dijunjung,
Majulah seni bangsa berdaulat.*

PENGHARGAAN

Para Penulis Buku Darjah 3

Zaleha Ahmad

Safidah Samsudin

Fadzilah Mohd Idris

Juliyah Yaacob

Zarina Hashim

Manisah Osman

Nazariah Nasir

Khairunnisa Mohd Isa

Haslinah Osman

Farizan Md Amin

Kaki Bola

Menang Menabung

Jangan!

Segaknya!

Wira dan Wirawati Bento

Mari Berkenalan

Tetap Berguna

Adakah Pilihan Nabilah Salah?

Jemput Makan!

Juara Cilik Wayang Kulit

Pengurusan Pembinaan Buku

Penasihat Projek

Editor

Sekretariat MLLPC

Zafilin Abdul Hamid

Zainaba Omar

Siti Fazila Ahmad

Murshidah Hassan

Nasrudin Raja Sulaiman

Nur Fa'izah Matnoor

Nur Sifa Hussin

Mislimah Misti

Mari Berkenalan

hasil karya
Manisah Osman




Jawatankuasa penduduk di kawasan kejiranan Nabil dan Nabilah mengadakan majlis kenal suai.

Jalan perlahan sedikit, Nabil, Nabilah. Datuk penat.

Baik, Datuk. Maafkan kami, ya.





Mari Nabilah pimpin Datuk.

Nabil dan Nabilah berjalan perlahan sedikit. Mereka tidak sampai hati melihat Datuk tercungap-cungap. Nabilah pun memimpin tangan Datuk.


Langkah Nabil, Nabilah dan Datuk tiba-tiba terhenti. Ada sebuah keluarga empat beranak di hadapan mereka. Mereka sekeluarga memakai pakaian tradisional Indonesia. Mereka kelihatan sangat cantik dan segar. Rupa-rupanya mereka juga mahu ke majlis yang hendak dituju oleh Nabil, Nabilah dan Datuk.

Datuk memberitahu keluarga itu bahawa mereka juga sedang menuju ke tempat yang sama.

Maaf, boleh awak bantu kami? Kami sedang mencari dewan serba guna untuk majlis kenal suai di kawasan ini.

Oh, baguslah jika begitu! Kita boleh pergi bersama-sama. Nama saya, Budi.

Oh, kebetulan kami pun mahu ke majlis yang sama.



Nama saya Nabil. Ini adik saya, Nabilah.

Selamat berkenalan. Nama saya Adi dan ini pula adik saya, Arina.

Anak-anak Encik Budi pula berkenalan dengan Nabil dan Nabilah. Rupa-rupanya mereka baru sahaja menjadi penduduk tetap Singapura. Mereka tinggal tidak jauh dari blok Nabil dan Nabilah. Nabil dan Nabilah gembira dapat berkenalan dengan mereka.

Setibanya di dewan serba guna mereka disambut dengan mesra oleh Encik Lim dan beberapa orang ahli jawatankuasa penduduk. Nabil dan Nabillah mengajak Adi dan Arina bertemu dengan beberapa orang kawan mereka yang lain. Ada yang memakai pakaian tradisional Thailand, Korea, Jepun dan Cina.



Tiba-tiba, Encik Lim datang menghampiri Nabil dan Nabilah. Encik Lim meminta mereka menjadi pengacara majlis untuk menggantikan tempat kedua-dua pengacara majlis yang tidak dapat hadir.

Saya yakin kamu berdua boleh menjalankan tugas itu dengan baik. Kamu berdua kelihatan lawa berpakaian tradisional Melayu.


Lagi pun, kamu berdua memang petah bercakap dan sentiasa yakin apabila bertutur.



Nabil dan Nabilah tergamam seketika. Mereka menjadi serba salah. Mereka berasa sangat gementar. Namun, mereka juga tidak mahu menghampakan Encik Lim.

Nabil dan Nabilah kelihatan susah hati. Mengapa agaknya ya?



A cartoon illustration of two young girls standing on a red stone-paved area. The girl on the left is wearing a blue hijab, a light blue long-sleeved top, and dark blue pants. She has her hand to her forehead and a worried expression. The girl on the right is wearing a pink hijab, a pink long-sleeved top, and purple pants. She has a calm expression. In the background, there is a metal fence, a tree, and a building with a sign that says '21'.


Rasa-rasanya tidak baik kita menolak permintaan Encik Lim. Apakah yang harus kita lakukan?

Kita patut bantu Encik Lim tapi ... Nabilah rasa gementarlah.

Andri dan kawan-kawan yang lain memerhatikan Nabil dan Nabilah. Seorang demi seorang mereka keluar dari dewan itu. Mereka mendekati Nabil dan Nabilah.

Kami berdua diminta menjadi pengacara majlis.

Kami pasti awak berdua boleh menjadi pengacara yang baik.

An illustration of four children in traditional Malay attire standing outdoors. On the left, a boy in a blue long-sleeved shirt and a blue headband (tudung) looks towards the others. Next to him is a girl in a pink long-sleeved shirt and purple pants. In the center, a girl in a green and yellow long-sleeved shirt, a blue headscarf (tudung), and a blue sash is gesturing with her right hand. On the right, a girl in a light blue long-sleeved shirt with a purple sash and a pink hair accessory looks towards the group. They are standing on a red brick path in front of a building with large windows and a metal fence. A speech bubble is positioned above the girl in the green and yellow shirt.

Awak berdua calon-calon
terbaik untuk menjadi
pengacara majlis ini.

Nabil dan Nabilah berasa lega setelah mendengar kata-kata kawan-kawan mereka. Mereka berasa sangat bersemangat. Mereka pun berjalan masuk ke dewan semula.

Kami yakin akan kebolehan awak berdua. Belum cuba, belum tahu!






Nabil dan Nabilah pun memberanikan diri mereka untuk menjadi pengacara majlis.



Namun begitu, mereka berdua masih gementar. Nabil mula berpeluh-peluh dan Nabilah terjatuhkan mikrofonnya kerana terlalu takut.



Kawan-kawan Nabil dan Nabilah memberi sorakan dan tepukan untuk membangkitkan semangat Nabil dan Nabilah.



Nabil! Nabilah! Awak berdua boleh lakukan yang terbaik! Kami semua yakin dengan kebolehan awak berdua!



Nabilah menggunakan pengetahuannya yang luas tentang adat dan budaya masyarakat lain untuk membuat tetamu yang hadir berasa selesa. Nabil pula pandai berjenaka. Para tetamu berasa seronok dan terhibur. Mereka mendapat tepukan yang sangat gemuruh.




**Kompang, tuba, taiko, erhu;
Belum cuba, belum tahu**



Glosari

Perkataan	Maksud
majlis (hlm. 2)	perjumpaan orang ramai
kenal suai (hlm. 2)	berkenal-kenalan
tercungap-cungap (hlm. 3)	bernafas kencang kerana penat
segak (hlm. 4)	bergaya, tampan
pengacara (hlm. 8)	orang yang mengendalikan acara-acara dalam majlis
gementar (hlm. 15)	menggigil kerana takut



Aktiviti Bersama Keluarga

Nama Aktiviti: Origami Tanjak

Mari kita belajar melipat tanjak. Tanjak ialah hiasan kepala lelaki Melayu.


Langkah 1: Lipat kertas seperti ini



Langkah 2: Lipat kertas sekali lagi seperti ini



Langkah 3: Hias tanjak dengan lukisan




Langkah 4: Kokotkan tanjak supaya kemas



Langkah 5: Tanjak yang sudah siap dihias







© 2018 Kementerian Pendidikan Singapura

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, menyimpan atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

Diterbitkan oleh



Ministry of Education
SINGAPORE



Malay Language Learning
and Promotion Committee

**Kementerian Pendidikan Singapura
dan
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu**

Illustration and Design by Thoughts Creations
Email: sales@thoughts.com.sg

First published 2018

All rights reserved. No part of this publication may be produced, stored in a retrieval system or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission of the copyright owner.

MARI BERKENALAN
ISBN 978-981-11-6404-0

Printed in Singapore

